

20 AUG 2002
S&P-MALAYSIA/I
S&P NAIKKAN PENARAFAN M'SIA KE BBB+

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Standard & Poor's Ratings Services (S&P) menaikkan penarafannya terhadap Malaysia sebanyak satu tahap termasuk penarafan kedaulatan mata wang asing jangka panjang kepada BBB+ dengan tinjauan yang kukuh.

Dalam satu kenyataan hari ini, S&P berkata peningkatan dalam penarafan berkenaan diberikan memandangkan risiko yang lebih rendah terhadap dana awam daripada sokongan kerajaan untuk syarikat-syarikat sektor swasta yang bermasalah, kecenderungan yang mengurangkan kedudukan kewangan kerajaan dan mewujudkan bahaya moral kepada perniagaan swasta.

Ia berkata tindakan penarafan juga mengambil kira pelan berturut-turut yang diadakan bagi peralihan kuasa Perdana Menteri Malaysia daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Penganalisis kredit S&P, Liew Chih Wai berkata: "Polisi ekonomi kerajaan Malaysia dan komitmennya kepada penyusunan semula korporat dijangka berjalan lancar hasil daripada peralihan kepimpinan ini."

Tambahan pula, ia berkata langkah pemulihan ekonomi yang bertambah cepat, kedudukan fiskal kerajaan dijangka bertambah baik.

"Mencerminkan prospek ekonomi yang bertambah baik, hutang am kerajaan kerajaan dijangka naik kepada kira-kira 47 peratus KDNK pada 2003, sebelum susut secara beransur-ansur, dengan itu melindungi keanjalan fiskal kerajaan Malaysia dalam sebarang kesukaran di masa depan," kata Liew.

Tambahan pula, kedudukan luar Malaysia bertambah baik dan Malaysia juga dijangka mengurangkan tahap hutang luar bersihnya pada masa depan.

Hutang luar tahun depan termasuk sektor swasta kini dijangka kurang daripada lima peratus daripada penerimaan akaun semasa, turun daripada 17 peratus pada hujung 1997. -- BERNAMA

NN KTC NHD